

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG TAWARAN DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk sebutharga dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang sebutharga serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam
Emel: jph.enquiry@forestry.gov.bn

Hari Isnin - Khamis
8.30 pagi - 11.45 pagi
1.30 petang - 3.00 petang

Hari Sabtu
8.00 pagi - 10.00 pagi

Tarikh Tutup Sebutharga:
Khamis, 04 Disember 2025, 2.00 petang

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah;

6. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat** yang akan diadakan pada:

- (i) **Sebutharga: JPH/2107/SH/2565/2025-2026**
PEMBEKALAN CENDERAHATI JERAYAWARA UNTUK
BAHAGIAN HIDUPAN LIAR, JABATAN PERHUTANAN
- Pada: Rabu, 26 November 2025**
Jam: 2.30 petang
Tempat: Bilik Mesyuarat Rimbawan, Tingkat 2, Jabatan Perhutanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

7. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Sebutharga dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;

8. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti **Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, Business License** bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam tawaran ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, Sijil Pematuhan Cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan, Certification of Tax Compliance (CoTC), selaras dengan Bab 52 (1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi Syarikat-Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 dan ABCi (syarikat pengiklanan) yang terkini dan belum mansuh, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan;

9. Setiap tawaran yang akan diiklankan adalah tertakluk kepada keterangan di bawah:

- (i) **Sebutharga: JPH/2107/SH/2565/2025-2026**
PEMBEKALAN CENDERAHATI JERAYAWARA UNTUK
BAHAGIAN HIDUPAN LIAR, JABATAN PERHUTANAN

BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT: \$10.00
BORANG SEBUTHARGA: \$5.00
-TIDAK DIKEMBALIKAN-

10. Tarikh **terakhir** untuk membeli dokumen sebutharga adalah pada **Rabu, 26 November 2025**.